



# BULETIN UNIT PENDIDIKAN PLANETARIUM NEGARA 2024



## JANUARI

SJKC KUAN CHENG 1, KUALA LUMPUR  
13 Jan

Program outreach pertama bagi tahun 2024 menyaksikan seramai 1,200 murid dan ibu bapa telah mengambil bahagian dalam aktiviti planet VR dan mini planetarium. Program ini merupakan program kerjasama kali ke-3 bersama SJKC Kuan Cheng 1.

COSMIC CRAFT WORKSHOP  
(ITRAINKIDS), PLANETARIUM NEGARA

27 Jan

Bengkel ini merupakan bengkel yang diadakan julung kali bersama rakan kolaborasi Ittrainkids Sdn Bhd. Bagi seramai 16 peserta telah mengambil bahagian dalam bengkel siri perlama mengenai Sistem Suria. Bengkel ini akan dilakukan secara bersiri sepanjang tahun 2024 hingga 2026.



### HARI TERBUKA PUTRAJAYA, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA

1 Feb

Planetarium Negara telah mengadakan persembahan eksplorasi angkasa, From Earth to Universe melalui aktiviti planet VR bersama 60 orang peserta bersempena Hari Terbuka Putrajaya dan Hari Wilayah Persekutuan di Pentas Lobi Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Sesi 1 jam bersama 60 peserta telah memberi peluang untuk Planetarium Negara berinteraksi dan meningkatkan minat masyarakat terhadap STEM.

KARNIVAL JOM KE MASJID,  
MASJID AS SALAM  
BUKIT SENTOSA, RAWANG

17 - 18 Feb

Karnival 2 hari ni telah dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari. Seramai 10,000 pengunjung telah menghadiri Karnival Jom ke Masjid yang dianjurkan sempena 20 tahun Masjid As-Salam Bukit Sentosa, Rawang. Planetarium Negara telah mengadakan aktiviti planet VR & Mini Planetarium dan telah menerima sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat setempat.

## FEBRUARI

### INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM)

22 Feb

Program cuti sekolah anak-anak warga Institut Sosial Malaysia (ISM) bersama Planetarium Negara telah diadakan pada 22 Februari 2024 bertempat di Dewan Intelek, ISM. Seramai 100 peserta anak-anak kakitangan ISM telah mengambil bahagian dalam. Aktiviti-aktiviti hands-on iaitu eksplorasi planet VR, roket DIY, mini planetarium dan pencerapan matahari.



### PLANET KIDZ, PLANETARIUM NEGARA

24 - 25 Feb



Kanak-kanak berumur 4 hingga 12 tahun berpeluang meneroka aktiviti-aktiviti hands-on yang dilaksanakan secara santai semasa cuti sekolah atau hari minggu di Planetarium Negara. Sebanyak 2 siri Planet Kidz dilaksanakan pada 24 dan 25 Februari 2024 dengan penyertaan seramai 200 orang. Aktiviti hands-on yang dilaksanakan ialah fasa bulan, pinhole buruj dan roket straw.



### PROGRAM MADANI RAKYAT, ZON TENGAH (SELANGOR)

23 - 25 Feb

Program ini merupakan kesinambungan kepada Program Setahun bersama Kerajaan Madani bagi zon tengah (Selangor) yang diadakan di Kompleks Sukan Kuala Selangor. Planetarium Negara membawakan aktiviti hands-on eksplorasi planet VR yang menarik minat lebih kurang 4,269 peserta ke rerule MOSTI.



### PROGRAM RINTIS STEM CAMP, SJKC CHEN MOH, PJ

26 Feb

Seramai 100 peserta dari SJKC Chen Moh telah menyertai aktiviti planet VR dan roket DIY. YB Menteri MOSTI, YB Chang Lih Kang telah turut serta dalam aktiviti Roket DIY dengan melancarkan roket tersebut.



## MAC

### PLANET KIDZ, PLANETARIUM NEGARA

2, 16, 17, 23 & 24 Mac

Seramai 330 peserta telah menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan sepanjang bulan ramadhan seperti planet VR, fasa bulan, pinhole buruj dan Earth Hour selamatkan Bumi.